

RM750,000 bantu mangsa banjir

» Terengganu sumbangkan RM500 bagi setiap keluarga

Oleh Azman Mahmood
azmanm@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Kerajaan negeri akan memberi bantuan segera bayaran ihsan berjumlah RM500 bagi setiap keluarga mangsa banjir yang melanda negeri ini, minggu lalu.

Berikutan itu, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM750,000 untuk diagihkan kepada 1,561 keluarga.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman, berkata pemberian itu membatik 6,255 mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan di lima daerah iaitu Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut.

Bantuan awal itu, kata beliau, akan disalurkan dalam tempoh dua minggu dari sekarang.



Ahmad Razif (kiri) beramah mesra dengan mangsa banjir di pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak, semalam.
[FOTO ASWADI ALIAS/BH]

Katanya, selain bantuan kerajaan negeri, Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga akan menyalurkan sumbangan yang sama kepada semua mangsa terabit selepas ini.

Senarai nama berdaftar

“Bayaran dibuat berdasarkan senarai nama keluarga mangsa yang berdaftar di semua pusat pemindahan,” katanya pada sidang media selepas taklimat banjir yang dikendalikan MKN Terengganu, di sini, semalam.

Banjir besar melanda di negeri ini, terutama di daerah Kuala Nerus dan Mukim Gong Badak, Khamis lalu.

Bencana itu menyebabkan Universiti Sultan Zainal Abidin (Uni-SZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melaksanakan cuti darurat.

Ini berikutan kawasan sekitar institusi pengajian tinggi berkenaan dinaiki air setinggi satu meter.

Kadaan itu memaksa lebih 6,000 mangsa dipindahkan ke 54 pusat pemindahan di Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut, sebelum air mulai surut kelmarin.

Sebahagian besar mangsa su-



TABUNG
BENCANA

INSTP media prima

Bantuan mangsa-mangsa banjir

Sumbangan boleh disalurkan terus ke akaun Maybank atau cek atas nama Tabung Bencana INSTP-Media Prima dan dihantar ke Jabatan Komunikasi Korporat Kompañi Media Prima Berhad, Tingkat 1, Anjung Riang, Balai Berita, 31 Jalan Riang, 50100 Bangsar, Kuala Lumpur atau pejabat cawangan INSTP-Media Prima di seluruh negara.

Akaun Maybank:

5141-0532-0757

dah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing berikutan cuaca mulai bertambah baik sejak kelmarin.

Ahmad Razif berkata, kerajaan negeri juga akan mengkaji bantuan lain yang diperlukan mangsa seperti keperluan persekolahan anak-anak.

“Kita akan lihat kemudian kepada bantuan ini dan akan diberi mengikut kemampuan kewangan kerajaan negeri,” katanya.

Beliau berkata, antara punca banjir besar di daerah Kuala Nerus ialah disebabkan sistem perparitan dan kawasan takungan air tidak sempurna.

“Kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan, khususnya sekitar Gong Badak,” katanya.